



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 7 SEPTEMBER 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|--|--|
| 1. | 50 EKOR IKAN PEMANGSA BAUNG MERAH BERJAYA DITANGKAP, NEGARA, KOSMO -16 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | TAMBAH BAIK KAEDAH PERIKANAN NEGERI, LOKAL, HM -3 | |
| 3. | FAMA, PAYNET JALIN KERJASAMA STRATEGIK PENDIGITALAN, EKONOMI, UM -36 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4. | PENIAGA PENING TELUR MAKIN KURANG, NEGARA, KOSMO -16 | LAIN-LAIN |
| 5. | KEDAH, PAHANG TIDAK BERDEPAN MASALAH BEKALAN TELUR AYAM, NEGARA, KOSMO -16 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

* 50 ekor ikan pemangsa baung merah berjaya ditangkap

JERANTUT - Sebanyak 50 ekor ikan baung ekor merah yang merupakan ikan pemangsa seberat 296.23 kilogram (kg) berjaya ditangkap dalam tempoh 24 jam sempena pertandingan Moh Buru Baung Ekor Merah di Jerantut Feri di sini kelmarin.

Dalam pertandingan yang disertai 170 peserta itu, nelayan sungai dari Kampung Pedah di sini, Mohd. Aizuddin Rahimi muncul juara dan membawa pulang RM3,000 selepas menangkap seekor ikan baung ekor merah seberat 19.38 kilogram.

Bagi kategori tangkapan terbanyak pula dimenangi oleh Rosli Aziz Chan dari Kampung Jerantut Feri dengan hadiah bernilai RM2,000 selepas memperoleh 18 ekor ikan baung ekor merah.

Pertandingan anjuran Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Jerantut dan Jabatan Perikanan Pahang sempena Bulan Kebangsaan 2022 itu berlangsung di kawasan Sungai Tembeling dan Sungai Pahang di daerah ini.

Peserta hanya dibenarkan menggunakan joran, taju, jaring dan jala.

Mohd. Aizuddin berkata, dia memasang 40 batang taju dengan umpam anak ikan keli di tebing Sungai Pahang berdekatan Kampung Pedah sejak pertan-



AHLI Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris (kanan) melihat ikan baung ekor merah yang ditangkap di Jerantut Feri, Jerantut kelmarin.

dingan bermula pada pukul 11 pagi kelmarin.

"Saya tidak mengharapkan dapat ikan baung ekor merah sebelum ini memandangkan sebelum ini cuma dapat tangkap ikan seberatnya kurang 10kg.

"Lebih kurang 10-jam memasang taju, saya kembali semula ke sungai dan terkejut mendapati seekor ikan yang besar," katanya. Sementara itu, Timbalan Pengarah Perikanan Pahang,

Muhammad Nur Ashri Bassari berkata, pertandingan itu bertujuan mengurangkan jumlah ikan baung ekor merah yang menjadi ancaman kepada ikan liar di perairan sungai negeri ini.

"Jabatan Perikanan sentiasa memberikan sokongan dan galakan untuk menganjurkan pertandingan menangkap ikan baung ekor merah ini, malah ia perlu lebih kerap diadakan," ujarnya.

Taiping: Jabatan Perikanan Perak kini sedang menambah baik Kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992 bagi menangani aktiviti penangkapan ikan menggunakan bahan larangan seperti bom.

Pengarah Jabatan Perikanan Perak, Noraishah Hasnim berkata, perkara itu membabitkan denda RM20,000 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya terhadap kesalahan menangkap ikan menggunakan bom, tuba atau racun dan panah.

"Bagaimanapun, pindaan kaedah berkenaan masih di peringkat Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri bagi mendapatkan kelulusan.

"Langkah itu bertujuan membendung aktiviti tang-



NORAISHAH (dua dari kiri) bersama sebahagian peserta Program Kesedaran Pematuhan Keperluan MyGAP Malaysia di Taiping, semalam.

Tambah baik kaedah perikanan negeri

kapan ikan yang dibuat secara tersembunyi terutama pada awal pagi dan lewat petang menyebabkan kegiatan itu sukar dikesan oleh pihak penguat kuasa.

"Menangkap ikan menggunakan kaedah yang diranggu itu membahayakan diri dan juga ikan yang ditangkap boleh tidak setamat untuk di makan," katanya ke-

selama ini, semalam. Kelmarin, media melaporkan seorang lelaki maut dan rakannya parah akibat terkena letupan dari bom ikan buatan sendiri dalam keja-

dian jam 3.12 petang di Hutan Lipur Lata Kekabu di Lenggong.

Menurut Noraishah, kematian akibat menggunakan bom ikan adalah kes yang pertama berlaku di Perak pada tahun ini namun kegiatan tersebut dikesan berlaku di semua daerah di negeri itu dan pihaknya sedang membuat pemantauan untuk mengambail tindakan supaya kegiatan itu ditangani.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria ketika merasmikan program berkenaan menasihatkan masyarakat supaya tidak menggunakan bahan larangan ketika menangkap ikan kerana ia boleh mendatangkan musibah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------------|---------|------------|
| 7/9/2022 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 36 |

FAMA, PayNet jalin kerjasama strategik pendigitalan

PETALING JAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjalin kerjasama strategik pendigitalan pembayaran dengan Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dalam usaha memberi pelbagai manfaat kepada usahawan.

Menurut FAMA, kerjasama itu untuk mentransformasi usahawan-usahawan naungan FAMA ke arah pembayaran secara digital atau tanpa tunai dengan memberikan fokus terhadap Agrobazaar Kedai Rakyat, usahawan Industri Makanan & Asas Tani (IMAT), Agrobazaar Kshopee, dan Agrobazaar R&R di seluruh negara.

“FAMA menyasarkan seramai hampir 4,700 usahawan bimbingan di seluruh negara bakal menikmati kemudahan e-pembayaran ini.

“Di samping kemudahan kepada pengguna baru e-pembayaran, insentif dipanjangkan kepada para peniaga FAMA yang telah mendaftar untuk menerima kaedah pembayaran menggunakan kad ATM MyDebit atau DuitNow QR bagi menggalakkan penggunaan kemudahan e-pembayaran tersebut,” katanya dalam kenyataan.

Mengulas kerjasama itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, seiring dengan perkembangan teknologi dan perkembangan ruang pasaran, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga telah mewujudkan portal Agroba-



FIRDAUS Ghani (kiri) dan Abdul Rashid Bahri bertukar dokumen kerjasama strategik pendigitalan di Kuala Lumpur, kelmarin.

zaar Online (ABO) iaitu sebuah platform e-dagang pemasaran maya produk pertanian dan agro-makanan yang menemukan pengeluar, pengilang, pembekal dan pengguna.

Jelas beliau, portal itu diuruskan sepenuhnya oleh FAMA.

“Sehingga Ogos 2022, seramai 7,910 usahawan dan 20,570 SKU produk telah didaftarkan

dengan nilai transaksi terkumpul sebanyak RM9.6 juta,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Libat Urus PayNet, Firdaus Ghani berkata, bagi mendukung aspirasi pendigitalan itu, PayNet sebagai rakan strategik FAMA akan bertindak sebagai pemudah cara migrasi para usahawan FAMA kepada e-Pembayaran.

Bekalan tidak lagi dapat menampung permintaan yang banyak

Peniaga pening telur makin kurang

GEORGE TOWN – Pengusaha kek di negeri ini mendakwa mereka lebih rela membeli telur ayam pada harga lebih mahal di premis menjual keperluan membuat pencuci mulut itu daripada terpaksa menunggu untuk mendapatkan stok murah kerana tidak mahu membuang masa dan tenaga.

Rata-rata pembuat kek memberitahu, mereka menggunakan telur gred A bagi memastikan rasa dan tekstur pencuci mulut yang dihasilkan itu kekal seperti sebelum ini.

Pengusaha kek, Nur Hajar Salim, 32, berkata, kesukaran mendapatkan bekalan daripada pembekal memaksanya mendapatkan telur ayam di kedai bakeri di Relau di sini meskipun jarak antara rumahnya di Teluk Kumbar sejauh lapan kilometer.

"Walaupun telur gred A RM14.70 berbanding RM13.50 yang dibeli daripada pembekal, saya terpaksa beli kerana tempahan kek banyak dan saya enggan menunggu.

"Susah nak dapat bekalan daripada pembekal kecuali melalui ejen atau orang tengah yang mengumpul tempahan menerusi saluran media sosial," katanya.

Menurut Nur Hajar, dia lebih selesa membeli di kedai bakeri kerana semuanya ada di situ termasuk stok telur ayam.

Seorang lagi pembuat kek, Lina, 42, berkata, dia mendapat bekalan telur ayam gred A dan B daripada kedai runcit berdekatan rumahnya pada harga RM13.50 dan RM14.

Katanya, sebelum ini dia



SEORANG pengguna melihat bekas telur yang kosong ketika hendak membeli barangan keperluan itu di sebuah kedai runcit di daerah Barat Daya, Pulau Pinang semalam.



NUR HAJAR membuat kek untuk pelanggannya.

membeli telur ayam daripada pembekal tetapi agak jauh dengan rumahnya.

"Rugi masa dan kadang-kadang ada telur yang pecah. Jadi saya pilih beli di kedai runcit sahaja walaupun mahal sedikit," katanya.

Sementara itu di **Pasir Mas, Kelantan**, pengusaha kek lapis, Sariyah Mahmood, 58, berkata, dia terpaksa mengurangkan tempahan kerana bekalan telur sukar didapati sejak sebelum lalu di Kampung Gertak Serong, Tendong.

"Saya terpaksa berjimat

menggunakan telur ayam bagi mengekalkan kualiti kek tetapi kurang pula dari segi kuantiti. Sebelum ini pembekal jual telur gred A RM12.30 tetapi kini naik RM1.50. Lebih baik beli daripada peruncit sebab harganya sama saja," katanya.

Ujar Sariyah, kekurangan telur ayam menyebabkan dia terpaksa berjimat dan tidak boleh membeli dalam kuantiti banyak kerana memerlukan modal lebih.

Oleh sebab itu, dia terpaksa menaikkan harga kek daripada RM22 kepada RM25 untuk 700 gram, manakala untuk 1.2 kilo-

Saya terpaksa berjimat menggunakan telur ayam bagi mengekalkan kualiti kek tetapi kurang pula dari segi kuantiti. Sebelum ini pembekal jual telur gred A RM12.30 tetapi kini naik RM1.50. Lebih baik beli daripada peruncit sebab harganya sama saja."

SARIYAH

gram dijual pada harga RM48. Di **Kuala Terengganu**, seorang pemborong, Firdaus, 30-an, berkata, bekalan telur untuk semua gred telah berkurangan sejak dua minggu lalu dan ada peniaga yang terpaksa menutup kedai kerana ketiadaan stok.

"Hampr 4,000 papan dijual sehari kerana mendapat permintaan tinggi pengguna untuk gred A, B dan C.

"Permintaan tinggi kerana musim cuti sekolah dan hanya tinggal gred B serta F sahaja. Itu-pun berebut," katanya.

Seorang peruncit, Halimah Daus, 48, berkata, faktor cuaca tak menentu dijadikan alasan untuk pembekal tidak menghantar bekalan sejak minggu lalu.

Di **Klang**, seorang peniaga, Nuratikah Hamadi, 34, berkata, bekalan telur ayam berkurangan di sekitar Bandar Bukit Tinggi hingga menyukarkan pengguna untuk mendapatkannya.



SITI ZAINAB (tengah) melayan salah seorang pelanggan yang datang ke geraiinya di Sungai Petani semalam.

Kedah, Pahang tidak berdepan masalah bekalan telur ayam

SUNGAI PETANI – Beberapa peruncit di daerah ini tidak berdepan masalah bekalan telur ayam yang didakwa semakin berkurangan di beberapa buah negeri.

Peniaga kuih, Siti Zainab Mahmud, 54, berkata, dia setakat ini tidak mengalami masalah untuk mendapatkan bekalan telur ayam dari premis di sini.

"Bekalan telur sentiasa ada terutama telur gred C yang boleh didapati di semua kedai runcit atau kedai borong pada harga kira-kira RM12.30 sepapan.

"Sebagai pembuat kuih, keadaan ini tidak merusunkan kami kerana masih boleh menjaga pendapatan harian," katanya ketika ditemui di Taman Ria Jaya di sini semalam.

Untuk rekod, telur ayam gred C di pasaran dijual pada harga RM12.30, gred B RM14.20 manakala gred A antara RM15 hingga RM16 sepapan.

Di **Jerantut, Pahang**, pengusaha kek di daerah ini masih lagi boleh mendapatkan bekalan telur mencukupi.

Farah Adilla Jaafar, 33, berka-

ta, bekalan telur di daerah ini masih mudah diperolehi di beberapa pasar raya.

"Setakat ini memang tiada masalah lagi. Jika satu pasar raya sudah habis, saya akan pergi ke pasar raya lain untuk dapatkan bekalan dan situasi ini memang kebiasaan buat saya.

"Untuk mendapatkan bekalan telur itu masih mudah berbanding keadaan sebelum ini yang pernah berlaku beberapa bulan lalu di mana pernah ketika itu kesemua pasar raya ketiadaan telur," katanya.